

UCAPTAMA OLEH DR. MOHAMED FATRIS BAKARAM, MUFTI REPUBLIK SINGAPORE, PERJUMPAAN HARI RAYA ASATIZAH 2018, 2 JULAI 2018

الحمد لله الذي بنعمته تتم الصالحات ، والصلاة والسلام على معلم الناس الخير ،
وهادي البشرية إلى الرشده ، وقائد الخلق إلى الحق ، سيدنا وإمامنا ، وأسوتنا وحبينا
محمد صلى الله عليه وسلم ، وعلى آله وصحبه ومن تبعهم بإحسان إلى يوم الدين .
أما بعد ...

PENDAHULUAN

Yang Dihormati, Shaikh Syed Isa Semait, Penasihat Pejabat Mufti

Yang Dihormati, Al-Fadhil Ust Hj Ali Bin Hj Mohamed, Pengerusi
Lembaga Pengiktirafan Asatizah (ARB)

Yang Dihormati, Al-Fadhil Ust Mohammad Hasbi Bin Hassan,
Presiden Persatuan ‘Ulama dan Guru-Guru Agama Islam Singapura
(Pergas)

Seluruh Barisan Asatizah Anggota ARB

Ikhwānī wa Akhawātī Al-A ‘izzā’,

Assalamu’alaikum Wr Wb

Asatizah yang dikasihi sekalian, walaupun sudah lebih dua minggu Ramadan berlalu, saya rasa masih belum terlalu lewat untuk saya mengucapkan kepada para asatizah sekalian:



من العائدين الفائزين المقبولين ، كل عام وأنتم بخير

تقبل الله منا ومنكم صالح الأعمال

Selamat Hari Raya Aidilfitri. Semoga segala amal ibadat kita diterima Allah, segala kesalahan kita diampuniNya dan segala doa kita turut dikabulkanNya. Maaf saya pohonkan zahir dan batin.

HAKIKAT *AL-KHIṬĀB AD-DĪNĪ* (WACANA KEAGAMAAN)

2 Hadirin hadirat yang dimuliakan, jika para asatizah sekalian masih ingat, di dalam pertemuan-pertemuan kita yang lalu, saya sering ketengahkan isu-isu yang berkaitan dengan *al-Khiṭāb ad-Dīnī* yang perlu kita, sebagai asatizah, fahami dengan jelas, agar kita dapat terus memainkan peranan yang berkesan sebagai nadi utama di dalam mencorak dan menggerakkan agenda kehidupan keagamaan Islam di tengah-tengah masyarakat dan negara.

3 Kalimat “*al-Khiṭāb*” secara literal bermaksud “bicara”. Namun, apabila kita menyebut istilah *al-Khiṭāb ad-Dīnī*, maka ia boleh membawa dua pengertian. Dari satu sudut, ia membawa maksud nas-nas agama yang merupakan bicara yang empunya agama (*Sāhib al-Syar’*). Dari sudut yang lain pula, ia bermaksud bicara manusia mengenai apa yang difikirkan dan difahaminya daripada nas-nas



itu. Pengertian yang kedua ini, iaitu pemikiran, pemahaman dan perbincangan manusia mengenai agamanya inilah, yang saya maksudkan di dalam ucapan saya sebagai *al-Khiṭāb ad-Dīnī*, yang boleh kita terjemahkan sebagai wacana keagamaan (*religious discourse*).

4 Sebagai sebuah Syari'at yang hidup dan kekal relevan, Islam itu secara dasarnya adalah sebuah dialog yang berterusan di antara nas-nas agama yang bersifat tetap (*mutanāhiyah*) dan realiti kehidupan yang sentiasa berkembang (*ghair mutanāhiyah*) dan berubah-ubah (*mutaghayyirah*). Oleh itu, *al-Khiṭāb ad-Dīnī* kita perlu senantiasa segar dan tidak sewajarnya terbeku, dengan memaksakan kemutlakan pada segala yang telah sedia terbentuk di dalam pemikiran dan pemahaman kita mengenai agama.

Para asatizah sekalian,

5 Walaupun perkataan *al-Khiṭāb* atau wacana itu asalnya berkaitan dengan bicara dan perbincangan, kita perlu memahami bahawa *al-Khiṭāb ad-Dīnī* kita tidak boleh hanya merangkumi aspek bahasa dan makna sahaja. Ia perlu dilengkapi dengan aspek realiti manusia dan dunia. Jika bicara dan perbincangan kita hanya berligar sekitar bahasa dan makna sahaja, walaupun berpaksikan nas dan wahyu, tetapi terasing daripada realiti kehidupan, maka ia tidak diklasifikasikan sebagai sebuah wacana yang serius dan berkesan. Ini adalah kerana,



al-Khiṭāb ad-Dīnī yang sebenar bertujuan memberi kesan di dalam meyakinkan dan mencorak pemikiran pendengarnya serta masyarakat mengenai agama, yang berperanan sebagai panduan kepada kehidupan yang sejahtera.

6 Oleh yang demikian, amat penting sekali untuk golongan ilmuwan agama aktif melibatkan diri di dalam proses pencernaan *al-Khiṭāb ad-Dīnī* yang benar, sama ada di dalam daerah pemahaman sendiri mahupun yang diketengahkan kepada masyarakat sebagai prinsip dan pegangan umum.

7 *Al-Khiṭāb ad-Dīnī* yang saya maksudkan ini merangkumi seruan-seruan atau usaha-usaha yang mengajak umat manusia mengenali agama Allah dengan sebaiknya, menghargai makna dan matlamat nas-nas agama yang menjadi sumber pegangan, membangun jatidiri masyarakat Islam, serta memupuk perpaduan masyarakat majmuk atas dasar prinsip dan nilai-nilai sejagat. Adalah diharapkan *al-Khiṭāb ad-Dīnī* seperti ini akan membantu membangunkan keupayaan golongan asatizah secara khusus dalam isu-isu yang berkaitan dengan silang agama (*inter-faith*) dan kepelbagaian aliran di dalam Islam (*intra-faith*).

8 Keyakinan diri yang sedemikian harus terus kita bangunkan di dalam diri institusi asatizah setempat dari satu generasi ke satu generasi yang lain. Mesej yang sama ini juga yang telah saya ketengahkan

melalui khutbah Aidilfitri yang baru lalu, terutama kepada golongan muda kita sebagai penerus generasi, perlu dibina keyakinan diri yang teguh di dalam melayari kehidupan keagamaan mereka. Bila kita berbicara tentang agama, kita berbicara dengan penuh yakin. Bila kita bermasyarakat dengan sesiapa jua, kita berinteraksi dengan penuh yakin. Begitu pula apabila kita membuat sumbangan kepada masyarakat, negara mahupun dunia, kita perlu yakin, tanpa wujud sedikit pun rasa kerdil atau takut dan ragu-ragu di dalam hati kita.

MENGAKUI DAN MENGIKTIRAF 'URF SETEMPAT

9 Di antara perkara yang termasuk di dalam *al-Khiṭāb ad-Dīnī* juga yang harus difahami dengan baik oleh golongan asatizah adalah menghargai dan menghormati status 'Urf atau norma kehidupan yang telah sedia diterima umum masyarakat Islam setempat. Setentunya yang saya maksudkan adalah 'Urf yang tidak bercanggah dengan syariat agama.

10 Dalam membicarakan soal 'Urf, suka saya menarik perhatian asatizah sekalian kepada firman Allah swt. yang sering kita dengar, yang sering kita baca dan yang sering kita ungkapkan di dalam pengajian kita. Firman Allah tersebut adalah:

﴿وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَٰئِكَ

هُمُ الْمُفْلِحُونَ﴾

Maksudnya: “Dan hendaklah ada di antara kamu (segolongan) umat yang mengajak kepada kebajikan, menyuruh kepada yang ma'rūf dan mencegah yang munkar, merekalah orang-orang yang beruntung.” (QS. Āli 'Imrān [3] : 104).

11 Asatizah yang dirahmati Allah, sekiranya kita perhatikan dengan teliti ayat yang baru saya bacakan ini, kita akan mendapati bahawa Allah swt. menyebut dua nilai yang baik di dalam ayat tersebut, iaitu nilai *al-Khair* dan nilai *al-Ma'rūf*. Dua nilai ini yang dipadankan pula dengan dua kata kerja yang berbeza, *yad'ūna* dan *ya'murūna*, pastinya memberikan isyarat bahawa terdapat perbezaan di antara dua nilai tersebut dari sudut makna dan signifikannya. Gaya bahasa Al-Qurān dan sistem struktur ayat-ayatnya yang telah kita pelajari menunjukkan bahawa tidak wajar kalimat *al-Khair* dan *al-Ma'rūf* yang disebut di dalam satu ayat itu mengandungi makna yang sepenuhnya sama, dan ia sekadar pengulangan tanpa sebarang kesan kepada pengertian dan tujuannya. Pastinya ada rahsia yang terkandung di dalam setiap daripada dua kalimat tersebut.

12 Sehubungan dengan ini, sebahagian ulama tafsir mendefinisikan *al-Khair* sebagai nilai universal, bersifat mendasar dan abadi yang diajar oleh Al-Qurān dan As-Sunnah. *Al-Khair* menurut Rasulullah saw. sebagaimana yang dikemukakan oleh Imām Ibn Kathīr dalam tafsirnya adalah: (إِتِّبَاعُ الْقُرْآنِ وَسُنَّتِي) maksudnya: “Mengikut Al-Qurān

dan sunnahku”. Manakala *al-Ma’rūf* pula adalah sesuatu yang baik menurut pandangan umum sesebuah masyarakat selama mana ia sejalan atau selari dengan *al-Khair*.

13 Asatizah yang dirahmati Allah, lebih mendalam lagi, saat Al-Qurān membahaskan tentang nilai *al-Khair*, Allah padankan dengan kata kerja berbentuk ajakan yang tiada mengandungi unsur-unsur paksaan. Perhatikan firman Allah swt. yang berbunyi (يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ).

Bahkan di dalam surah an-Nahl ayat 125 ajakan tersebut digalakkan untuk dilakukan secara hikmah dan pelajaran yang baik (اُدْعُ إِلَى سَبِيلِ)

(رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ). Manakala saat Al-Qurān membahaskan

nilai *al-Ma’rūf* pula, Allah padankan dengan kata kerja berbentuk perintah untuk beriltizam dengan sesuatu yang sudah menjadi kesepakatan umum masyarakat. Perhatikan pula firman Allah swt. yang berbunyi (وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ).

Kekata *al-Ma’rūf* mengandungi erti yang seiras dengan *al-‘Urf*, iaitu sesuatu yang sudah dikenal dan diterima oleh umum sebagai sesuatu yang baik, yang didukung oleh akal yang sihat serta tidak bertentangan dengan ajaran agama. Malah, kewujudan *‘Urf* di tengah-tengah kehidupan masyarakat bukan sahaja diizinkan Syara’, bahkan ia diiktiraf sebagai salah satu faktor yang mempengaruhi hukum agama.



DI SAAT AL-KHIṬĀB AD-DĪNĪ DIABAIKAN

14 Asatizah sekalian, suka saya tekankan di sini betapa pentingnya kita memahami *al-Khiṭāb ad-Dīnī* dengan sebaiknya. Di saat kita mengabaikannya, maka kita – golongan asatizah – akan terus terperangkap dengan isu-isu lama yang sama diulang-ulangi kembali – dari satu generasi ke satu generasi yang lain - seakan tiada penghujungnya.

15 Hasilnya, kita akan lihat, generasi asatizah hari ini – yang kurang peka akan *al-Khiṭāb ad-Dīnī* masakini – akan mengingatkan atau memanaskan semula isu-isu lama yang sudah dibahas dahulu oleh para ‘ulama dan guru-guru kita. Sebagai contoh; Bila menjelang awal Muharram, isu yang ditimbulkan adalah hukum menyambut awal Muharram dan bacaan doa akhir dan awal tahun. Bila datang bulan Rabi‘ul Awwal, perbincangan hangat soal menyambut *Maulid ar-Rasūl* saw. Saat muncul bulan Rajab, timbul kembali isu tarikh berlakunya peristiwa *al-Isrā’* dan *al-Mi‘rāj*. Bila tiba bulan Sya‘bān, perdebatan hangat soal hukum beribadat sempena malam *Nisfu Sya‘bān*. Bila masuk bulan Ramadan, timbul isu berapa rakaat solat tarawih yang diterima Syara‘. Dan begitulah selanjutnya, diulang-ulang saban tahun tanpa sebarang noktah terakhir. Dalam sebahagian keadaan, dirasakan seakan-akan hanya sebahagian kita sahaja yang



berada di landasan agama yang benar dan sebahagian yang lain sudah menyimpang.

16 Selanjutnya asatizah yang dirahmati Allah, tanpa memahami *al-Khiṭāb ad-Dīnī* secara menyeluruh, terkadang kita turut terpegun dengan paluan gendang yang dipukul oleh golongan agamawan negara-negara lain, sehingga kita terbawa-bawa menari sama seirama dengan paluan tersebut. Sedangkan, kita mengetahui bahawa konteks kita sangat berbeza dengan konteks yang telah atau yang sedang berlaku di negara-negara lain itu. Dalam masa yang sama kita juga memaklumi bahawa kitalah yang harus mencorak agenda *al-Khiṭāb ad-Dīnī* di dalam masyarakat kita, bukan mereka yang mencorakkan kehidupan keagamaan bagi masyarakat kita. Sampai bila kita akan terus terperangkap dalam isu sedemikian yang tidak memberi sumbangan utuh kepada pembangunan dan kesatuan institusi asatizah.

TULARAN ISU BARU

17 Pada bulan Ramadan yang baru berakhir, Pejabat Mufti menerima maklum balas mengenai beberapa isu agama yang ditimbulkan oleh sebahagian asatizah dan masyarakat di media sosial, sehingga ada di kalangan masyarakat yang mengajukannya langsung ke Muis. Dari satu sudut, sebahagian isu tersebut kelihatan seperti isu-isu baru yang ditularkan di kalangan masyarakat. Namun bila diteliti



dengan lebih lanjut, ternyata ia merupakan isu-isu yang tiada bezanya dengan yang telah saya sebutkan tadi. Antaranya adalah isu “hukum imsak sebelum azan subuh di bulan Ramadan”, isu “hukum bermaaf-maafan sempena Hari Raya” dan isu “hukum solat taubah dan solat tasbih secara berjemaah.”

18 Asatizah yang dirahmati Allah, kita sedia maklum bahawa isu-isu yang dinyatakan sebagai contoh sebentar tadi adalah perkara-perkara yang termasuk di dalam kategori yang dikhilafkan ulama. Kita telah dididik untuk berlapang dada dan bersikap saling hormat menghormati di dalam perkara-perkara berkenaan. Setiap kita diberi hak untuk memilih pendapat mana yang diyakininya, berdasarkan dalil dan hujah yang ada. Walaubagaimanapun, apabila pelaksanaan sesuatu amalan agama itu telah diterima umum masyarakat dan telah berjalan secara meluas untuk sekian lama, ia membentuk *'Urf* dalam kehidupan beragama masyarakat itu yang tidak wajar diperlekehkan, apatah lagi diserang dengan kekasaran sikap dan bicara. Tidak wajar kita memaksakan ukur tara pandangan kita ke atas orang lain yang berbeza pandangan, dengan merasakan ia lebih penting daripada ukur tara yang sudah menjadi *'Urf* yang sehati di dalam masyarakat. Oleh kerana itulah maka kita dapati terdapat kaedah fiqh yang amat masyhur iaitu “*Al-‘Ādah Muhakkimah*”. Di mana *'Urf* kebiasaan sesuatu masyarakat yang tidak bercanggah dengan nas secara langsung adalah menjadi penentu hukum.

KESAN NEGATIF DALAM MENGABAIKAN ‘URF

19 Asatizah yang dikasihi, harus difahami bahawa hari-hari kebesaran Islam yang disambut oleh masyarakat setempat sudah menjadi ‘*Urf* yang mencorak pengamalan agama masyarakat Islam kita untuk sekian lama. Tiada kesepakatan *Ijmā’* di kalangan ulama mengenainya, memandangkan tiada nas *Sarīh* yang *Qat’ī* yang melarangnya. Terdapat ruang untuk sesiapa sahaja untuk memilih antara pendapat yang membolehkan dan yang sebaliknya. Akan tetapi, untuk membakar semula sentimen persengketaan di dalam memperdebatkannya dan dibawa kembali ke tengah-tengah gelanggang wacana keagamaan masyarakat adalah sesuatu yang tidak akan menghasilkan sebarang kebaikan. Sebaliknya, pelbagai kesan negatif yang akan timbul:

Pertama: Memperlekehkan isu-isu yang sudah menjadi ‘*Urf* yang kita sebutkan tadi, akan memecah-belahkan kesatuan masyarakat Islam. Sehubungan itu, semakin kita ulang-ulangi perdebatan isu lama ini, semakin ketara perpecahan barisan antara asatizah, yang kesan negatifnya dapat terlihat di dalam masyarakat.

Kedua: Membangkitkan isu-isu sedemikian memberi isyarat bahawa kita golongan asatizah gagal meletakkan keutamaan (*al-Aulawiyah*) di dalam *al-Khitāb ad-Dīnī* kita untuk masyarakat. Semakin kita mengulang-ulangi perdebatan isu-isu sedemikian, semakin kita melihat

golongan asatizah hanya memusatkan daya fikiran mereka ke arah sesuatu yang tidak memacu ke hadapan di dalam membangun pemikiran kepimpinan keagamaan di tanahair.

Ketiga: Yang menjadi keprihatinan saya dewasa ini, semakin golongan asatizah mengulang-ulangi isu-isu sedemikian, kita akan terlepas pandang akan keperluan untuk kita sebagai para ilmuan agama ini memainkan peranan yang lebih kritikal di dalam mencorakkan '*Urf*' baru yang positif untuk masa depan bersama kita dan masyarakat.

20 Seperti yang telah saya nyatakan awal tadi, dunia terus bergerak dan realiti kehidupan manusia akan terus berubah. Tanggungjawab besar kita adalah untuk mempersiapkan diri untuk memahami dan menghadapi fenomena-fenomena serta cabaran-cabaran baru yang akan menerpa. Bagaimana reaksi dan respon kita? Apakah corak wacana yang akan kita bangunkan untuk membina pemahaman dan merumuskan pendirian? Apa langkah yang wajar kita lakukan di dalam memimpin kefahaman, pengamalan dan kehidupan beragama masyarakat? Dan yang paling utama, di mana kita di dalam perjalanan membangunkan '*Urf*' dan norma kehidupan masyarakat kita? Atau apakah kita sekadar ingin menjadi penumpang yang merasa cukup mengikut arus yang ditetapkan orang lain? Cukup menjadi penonton yang bertepuk sorak apabila skrip sandiwara yang diarah dan dilakonan orang lain itu menepati selera kita, tetapi mengamuk marah tatkala plotnya tidak dapat kita terima?

TANGGUNGJAWAB ASATIZAH MASA KINI

21 Asatizah yang dikasihi, harus kita sedar bahawa agama adalah pemangkin kebaikan. Kebaikan itu boleh datang samada dari nilai *al-Khair* atau nilai *al-Ma`rūf*. Kebaikan tersebut merangkumi kebaikan dunia dan agama. Sehubungan dengan itu, aspek kehidupan duniawi yang sudah menjadi *'Urf* yang selari dengan nilai *al-Khair* di dalam sesebuah masyarakat, maka ia diterima di sisi agama.

22 Maka menjadi tanggungjawab kita bersama untuk memahami dan memahami bahawa yang baik dalam urusan agama adalah baik juga untuk urusan dunia dan negara. Kita perlu memberikan keyakinan kepada masyarakat Islam Singapura bahawa nilai-nilai kemasyarakatan dan negara Singapura yang menyumbang kepada pembangunan dan pembaikan mutu kehidupan manusia boleh seiringan dengan prinsip dan maqasid agama kita. Bukan tugas kita untuk memisah-misahkan apatah lagi dengan melaga-lagakan antara dua kebaikan yang memberi manfaat bersama buat masyarakat.

KESIMPULAN

23 Di penghujung ucapan saya ini, saya menyeru kepada asatizah sekalian, marilah kita bersama-sama mengorak langkah ke hadapan memahami *al-Khiṭāb ad-Dīnī* yang berpaksikan konteks Singapura secara menyeluruh dengan baik. Marilah sama-sama kita membangunkannya dengan penuh keyakinan agar dapat kita mencorak kehidupan beragama masyarakat Islam Singapura dengan penuh rahmah sesuai dengan ajaran Al-Quran dan Sunnah kehidupan Rasulullah saw.

24 Sebelum saya mengakhiri, izinkan saya untuk menyampaikan serangkap pantun:

*Ketupat rendang hidangan raya
Tetamu datang menjamu selera
Agama dijulang asatizah diperkasa
Masyarakat cemerlang kebanggaan bersama*

25 Semoga Allah swt. memberkati pertemuan ringkas kita pada petang ini dan sekali lagi saya ucapkan: Selamat Hari Raya. Maaf zahir dan batin. Semoga kita dapat bersama di masa-masa akan datang.

وبالله التوفيق والهداية.
والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته